

Rithauddeen: Kerajaan tak akan ubah dasarnya

Syarat2 equiti: Pelabur asing diberi jaminan



**TENGU AHMAD
RITHAUDEEN**

KUALA LUMPUR, Khamis — Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen memberi jaminan kepada pelabur-pelabur asing bahawa kerajaan tidak akan membuat sebarang perubahan separuh jalan terhadap semua dasar dan garis panduan yang dirumuskan bagi penyertaan equiti.

Beliau menegaskan, Malaysia bersedia menerima pandangan dan syor selagi faedahnya dikongsi sama rata antara pelabur

dengan negara ini.

Tengku Rithauddeen berucap demikian di satu seminar pelaburan di Hong Kong hari ini. Teks ucapannya dikeluarkan di sini.

Tengku Rithauddeen sedang mengetuai satu rombongan perdagangan Malaysia melawat Hong Kong, Jepun dan Korea Selatan.

Menteri itu menolak keraguan bahawa kerajaan mungkin, setelah beberapa tahun, mengambil keputusan menukarkan syarat-syarat equiti bagi menguntungkan pelabur tempatan.

"Ini belum pernah

berlaku dan tidak akan berlaku di Malaysia," katanya.

"Kami tidak pernah melakukan amalan demikian di Malaysia dan tidak akan melakukannya di masa depan kerana kami sangat-sangat menghargai faedah yang diterima dari pelaburan asing."

Peraturan

Beliau juga menghuraikan dasar-dasar dan garis panduan mengenai penyertaan equiti dan peraturan tukaran luar yang menurutnya tidaklah ketat.

Menurutnya, bagi projek-projek yang semata-mata menampung pasaran dalam negeri iaitu industri pengganti import, Malaysia mahu penyertaan equiti majoriti dipegang oleh rakyat tempatan.

Tambahnya, pemilikan asing dibenarkan sekiranya projek-projek itu melibatkan pengilangan yang sebahagian besarnya untuk dieksport.

Mengenai peraturan tukaran asing, Tengku Rithauddeen berkata, bayaran bagi perkhidmatan dagangan, pemindahan termasuk penghantaran keluar modal serta keuntungan dan dividen dibenarkan dengan bebas.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Tan Sri Jamil Jan, yang turut berucap berkata, MIDA telah mengadakan daftar bakal-bakal pelabur dengan tujuan membantu pemodal luar negeri yang ingin mendapatkan rakan kongsi di Malaysia.

Beliau memberi jaminan kepada bakal-bakal pelabur bahawa kerajaan menyokong penuh usaha mencari rakan kongsi yang sesuai di Malaysia.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia